

## NEWS CLIPPING

MEDIA	KOSMO	DATE	24 OCT 2013 (THURS)
PAGE / SECTION	CITY / 5	READERSHIP	1,170,000

### Lima jururawat terima anugerah perkhidmatan cemerlang

**ANUGERAH.** Lima orang jururawat dari tiga buah pusat perubatan iaitu Yayasan Buah Pinggang Negara (NKF), St. John Ambulance Malaysia dan MAA Medicare menerima anugerah Perkhidmatan Vokasional Negeri Selangor daripada Kelab Rotary Petaling Jaya (RCPJ) di Hotel

Grand Dorsett Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Kesemua penerima terdiri daripada Siti Fatimah Basir, Rosmah Hamid, Sumathi Subramaniam, Hazlina Helmi dan Siti Zamidah Muhammaad.

Presiden RCPJ, H.S Dharan berkata, anugerah tersebut

merupakan sebahagian daripada sambutan bulan vokasional yang diraikan oleh komuniti Rotary seluruh dunia.

"Kelima-lima mereka dipilih berasaskan komitmen dalam membantu pesakit buah pinggang kronik dalam menjalani dialisis," katanya.



DHARAN (tiga dari kanan) melihat sijil Anugerah Penghargaan Vokasional Negeri Selangor yang diterima oleh (dari kanan) Siti Fatimah, Sumathi, Hazlina, Siti Zamidah dan Rosmah di Hotel Grand Dorsett Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.